

22 SEP 2003

Jepun-Pokok

SYARIKAT JEPUN SUMBANG RM16 BAGI SETIAP PENJUALAN KERETA TERPAKAI

DUNGUN, 22 Sept (Bernama) -- Sebuah syarikat menjual kereta terpakai di Jepun, Route Company Limited, menyumbangkan RM16 bagi setiap kereta yang dijualnya bagi membeli seponon pokok untuk ditanam di negara ini.

Presiden syarikat itu Masahiko Inoe berkata syarikat berkenaan menjual 1,500 kereta terpakai melalui enam cawangannya di negara matahari terbit itu bagi menjayakan program perintis itu di Malaysia.

Beliau berkata syarikat berkenaan membawa 15 belia dari Toyota City, Nagoya ke negara ini selama sebulan bagi melaksanakan pelbagai program kebajikan melibatkan kos sejuta yen (RM34,000).

"Kami mahu memperkenalkan syarikat kami supaya menjadi popular seperti syarikat kereta Toyota dan kami yakin program menanam pokok mampu menampilkan identiti syarikat kami di peringkat antarabangsa, khususnya di Asia Pasifik.

"Pertama kali kami datang ke Malaysia ialah pada Febuari lepas dan kami sangat tertarik dengan budaya dan keamanan di negara ini. Sebab itu kami memilih Malaysia sebagai negara pertama (untuk melaksanakan program ini)," katanya selepas program "Tree Planting: You's Net Forest" di bandar Al-Muktafibilah Shah di sini hari ini.

Masahiko berkata walaupun berpusat di bandar raya Toyota yang pesat dengan aktiviti pemasangan dan pemasaran kereta, syarikat itu tetap yakin dapat meningkatkan imej syarikat setanding Toyota, suatu hari nanti.

Katanya program kebajikan dan sosial yang akan dilaksanakan itu sudah tentu akan menjurus kepada matlamat tersebut.

Beliau berkata pihaknya akan menaja beberapa belia dari Malaysia yang berpotensi untuk melawat Jepun, khususnya ke syarikat berkenaan.

Ditanya mengenai Malaysia, beliau yang telah memimpin syarikat yang ditubuhkan 27 tahun lalu itu, berkata Malaysia adalah negara yang aman dan ekonominya cukup berkembang selain rakyatnya yang sentiasa mesra.

"(Datuk Seri) Dr Mahathir pula seorang pemimpin yang sangat dihormati di Jepun sehingga menjadikan Malaysia sangat dekat dengan negara kami dan kerana itu kami sangat berminat dengan Malaysia," katanya.

Kumpulan itu sebelum ini turut menghadiri program menanam 135 pohon pokok di Sekolah Kebangsaan Kubang Kuau di Kelantan.

-- BERNAMA

AYB ERE LAT